

**"Saya tidak melihat kejayaan ini memberi tekanan pada masa depan. Sekurang-kurangnya saya sudah membanggakan negara**

Cheong Jun Hoong

**HARIAN METRO**

FOTO: NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN



JUN Hoong (tengah) merayakan kejayaan bersama keluarga sebaik tiba di KLIA, semalam.

# Kekal momentum

■ Jun Hoong mahu terus raih banyak kejayaan untuk negara

Saiful Affendy Sapran  
& Ferzalfie Fauzi  
sukan@hmetro.com.my

## Selangor

Cheong Jun Hoong sama sekali tidak berasa tertekan untuk mengekalkan momentum cemerlangnya selepas ini sebaik mencipta sejarah memenangi pingat emas menerusi acara 10 meter platform individu wanita pada Kejohanan Akuatik Dunia 2017 di Budapest, Hungary, Rabu lalu.

Sebaliknya tegas altet berusia 27 tahun itu, segala-galanya perlu bermula daripada sifar kembali untuknya terus meraih sebanyak mungkin kejayaan pada masa depan.

"Bagi saya ia sekadar satu gelaran saja. Tidak ada juara yang akan menjadi juara



SEBAHAGAIAN penyokong merayakan kepulangan Jun Hoong.

buat selama-lamanya.

"Hanya sejarah sudah tercipta. Setiap pertandingan hanya mempunyai juara, naib juara serta tempat ketiga.

"Saya tidak melihat kejayaan ini memberi tekanan pada masa depan. Sekurang-kurangnya saya sudah membanggakan negara,"

katanya ketika ditemui sejurus tiba di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) semalam.

Jun Hoong juga memenangi gangsa untuk acara 10 meter platform seirama wanita bersama Pandelega Rinong.

Mengenai temasya Sukan SEA Kuala Lumpur (KL2017)

bulan depan, Jun Hoong mengakui tidak mempunyai pesaing yang mampu mengugat impiannya untuk memenangi pingat emas.

"Saya rasa seluruh kontinjen negara juga menyasarkan untuk memenangi pingat emas. Sudah tentu saya juga mahu memenangi pingat emas.

"Tapi, saya sama sekali tidak memandang mudah cabaran daripada pesaing lain," katanya.

Jun Hoong memenangi emas selepas memungut 397.50 mata selepas lima terjunan menewaskan bekas juara dunia Si Yajie (China) yang sekadar berpuas hati dengan perak apabila meraih 396.00 mata.

Rakan sepasukan Yajie, Ren Qian yang meraih pingat emas di Sukan Olimpik Rio tahun lalu meraih gangsa apabila mengumpul 391.95 mata.